



11 Julai 2016
11 July 2016
P.U. (A) 195

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL)
(LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2) 2016

*FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT)
(COLLECTION OF TOLLS) (EAST COAST
EXPRESSWAY-PHASE 2) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Pantai Timur-Fasa 2) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2016.

Pemberikuasaan untuk memungut tol

2. (1) Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn Bhd atau ejennya diberi kuasa—

(a) bagi tempoh dari 15 Julai 2016 sehingga 2 Mei 2034, untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama di plaza tol yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, bagi penggunaan ke mana-mana arah mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Pantai Timur-Fasa 2 bermula dari kilometer 250.60 di koordinat U+435884.921, T+589311.032 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 433.98 di koordinat U+590369.182, T+557480.317 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) termasuk Persimpangan Bertingkat Cheneh, Plaza Tol Cheneh, Persimpangan Bertingkat Cukai, Plaza Tol Cukai, Persimpangan Bertingkat Kijal, Plaza Tol Kijal, Persimpangan Bertingkat Kerteh, Plaza Tol Kerteh, Persimpangan Bertingkat Paka, Plaza Tol Paka, Persimpangan Bertingkat Kuala Dungun, Plaza Tol Kuala Dungun, Persimpangan

Bertingkat Bukit Besi, Plaza Tol Bukit Besi, Persimpangan Bertingkat Ajil, Plaza Tol Ajil, Persimpangan Bertingkat Telemung, Plaza Tol Telemung, Persimpangan Bertingkat Kuala Terengganu, Plaza Tol Kuala Terengganu dan jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 183.38 kilometer, oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama; dan

- (b) bagi tempoh dari 15 Julai 2016 sehingga 31 Disember 2032, untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua di plaza tol yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua, bagi penggunaan ke mana-mana arah mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Pantai Timur-Fasa 1 bermula dari kilometer 76.10 di koordinat U-29660.52, T-47978.07 Grid Cassini Negeri Pahang dan berakhir di kilometer 250.60 di koordinat U-111006.35, T+45032.71 Grid Cassini Negeri Terengganu, oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua.

(2) Jalan yang dinyatakan dalam subsubperenggan (1)(a) dan (b) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Ketiga dan Keempat.

Pengambilan tiket transit dan pembayaran tol

3. (1) Seseorang pemandu kenderaan hendaklah, sebelum melalui mana-mana plaza tol masuk yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Ketiga dan Keempat, mengambil satu tiket transit di plaza tol masuk itu dan hendaklah, sebelum melalui mana-mana plaza tol keluar yang ditunjukkan dalam Jadual Ketiga dan Keempat, mengemukakan tiket transit itu di plaza tol keluar itu dan membayar tol yang kena dibayar di bawah subsubperenggan 2(1)(a) dan (b).

(2) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan kad atau peranti elektronik hendaklah melalui lorong tol yang mempunyai suatu mesin pembaca kad atau peranti elektronik, menghampiri mesin pembaca itu dan menyentuhkan kad atau

peranti elektronik ke mesin pembaca itu, dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada kad atau peranti elektronik itu.

(3) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan tag elektronik hendaklah, sebelum melalui lorong tag elektronik yang dikhaskan, mempamerkan tag elektronik atau tag elektronik dengan kad atau peranti elektronik di cermin hadapan kenderaan, dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada tag elektronik atau kad atau peranti elektronik itu.

(4) “Kad atau peranti elektronik” dan “tag elektronik” yang disebut dalam perenggan ini ertinya—

- (a) sesuatu kad atau peranti elektronik dan tag elektronik yang dibenarkan oleh Menteri, yang dikeluarkan bagi maksud pembayaran tol;
- (b) berhubung dengan sesuatu kad atau peranti elektronik, suatu kad atau peranti elektronik yang boleh dibaca oleh mesin pembaca yang dipasang di lorong tol; dan
- (c) berhubung dengan sesuatu tag elektronik, suatu tag elektronik yang boleh menyebabkan palang di lorong tag elektronik yang dikhaskan dinaikkan secara elektronik.

Pengecualian daripada pembayaran tol

4. Walau apa pun peruntukan Perintah ini, kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Kelima dikecualikan daripada pembayaran tol.

JADUAL PERTAMA

[Subsubperenggan 2(1)(a)]

KADAR TOL BAGI TEMPOH DARI 15 JULAI 2016 SEHINGGA 2 MEI 2034

Plaza Tol Keluar: Cheneh

(1) Plaza Tol Masuk	(2)				
	Tol Kena Dibayar (RM) Mengikut Kelas Kenderaan				
	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4	Kelas 5
1. Karak	3.20	6.30	9.50	1.60	3.20
2. Lanchang	3.20	6.30	9.50	1.60	3.20
3. Temerloh	3.20	6.30	9.50	1.60	3.20
4. Chenor	3.20	6.30	9.50	1.60	3.20
5. Maran	3.20	6.30	9.50	1.60	3.20
6. Sri Jaya	3.20	6.30	9.50	1.60	3.20
7. Gambang	3.20	6.30	9.50	1.60	3.20
8. Kuantan	3.20	6.30	9.50	1.60	3.20
9. Jabor	3.20	6.30	9.50	1.60	3.20
10. Cukai	2.20	4.40	6.70	1.10	2.20
11. Kijal	4.50	9.00	13.40	2.20	4.50
12. Kerteh	6.20	12.30	18.50	3.10	6.20
13. Paka	7.60	15.20	22.80	3.80	7.60
14. Kuala Dungun	9.80	19.50	29.30	4.90	9.80
15. Bukit Besi	11.50	23.10	34.60	5.80	11.50
16. Ajil	16.20	32.40	48.50	8.10	16.20
17. Telemung	18.50	37.00	55.50	9.30	18.50
18. Kuala Terengganu	19.70	39.40	59.10	9.90	19.70

Plaza Tol Keluar: Cukai

(1) Plaza Tol Masuk	(2)				
	Tol Kena Dibayar (RM) Mengikut Kelas Kenderaan				
	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4	Kelas 5
1. Karak	4.60	9.20	13.80	2.30	4.60
2. Lanchang	4.60	9.20	13.80	2.30	4.60
3. Temerloh	4.60	9.20	13.80	2.30	4.60
4. Chenor	4.60	9.20	13.80	2.30	4.60
5. Maran	4.60	9.20	13.80	2.30	4.60
6. Sri Jaya	4.60	9.20	13.80	2.30	4.60
7. Gambang	4.60	9.20	13.80	2.30	4.60
8. Kuantan	4.60	9.20	13.80	2.30	4.60
9. Jabor	4.60	9.20	13.80	2.30	4.60
10. Cheneh	2.20	4.40	6.70	1.10	2.20
11. Kijal	2.70	5.40	8.10	1.40	2.70
12. Kerteh	4.40	8.80	13.20	2.20	4.40
13. Paka	5.80	11.60	17.40	2.90	5.80